

GAGASAN

KOPERASI

DITERBITKAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

**KOPERASI SEJATI
BERHAD**
Hasrat Tingkatkan
Pengeluaran Durian

KPPKNK
Dominasi Pasaran
Gas LPG di Utara
Kedah

CTRM KOOP
Peneraju Ekonomi
Digital Koperasi di
Melaka

Nikmat
Suasana Desa
di **KAMPUNG
LONEK**



Perlis Destinasi Penganjuran
Bulan Koperasi Kebangsaan Tahun 2024



DARI MEJA PENGARANG

TUAN HAJI FADILAH BIN SALIM

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



GAGASAN
KOPERASI

Majalah Gagasan Koperasi
Edisi 01/2024

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Rusli Jaafar

PENGERUSI JAWATANKUASA PENERBITAN

Tuan Haji Fadilah bin Salim

EDITOR

Mohd Firdaus bin Shaari
Noor Azura binti Maslan
Arif Asyraf bin Mohammed Khalim
Mohamad Zaki bin Mohd Shukri
Syamsul Safarin bin Mohd Ali
Sharifah Nurrasyidah binti Syed Abdul Razak
Mohd Affandy bin Amir
Norhaslinda binti Isa

EDARAN & PENERBITAN

Bahagian Promosi dan
Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya edisi sulung tahun 2024 Majalah Gagasan Koperasi dapat diterbitkan jua meskipun tenggelam dalam kesibukan tugas demi memartabatkan gerakan koperasi tanahair. Usaha-usaha untuk memartabatkan gerakan koperasi mestilah datang daripada “orang dalam” gerakan itu sendiri terutama dalam hal menawarkan penyelesaian masalah dari aspek penyediaan buah fikirnya, strateginya serta penulisannya. Sehubungan dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pegawai-pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari 14 buah negeri hingga ke ibu pejabat yang turut sama menyumbang kepada usaha penulisan majalah ini. Pada masa yang sama, saya amat mengalu-alukan sumbangan yang berterusan dalam penulisan dari pelbagai pihak yang berkait dengan kisah kejayaan koperasi, keunikan produk dan perkhidmatan koperasi, wawancara tokoh-tokoh terkait dengan gerakan koperasi, kertas kajian, penulisan tentang pendapat, penulisan kreatif dan sebagainya untuk kami pertimbangkan penerbitannya. Penulisan-penulisan ini penting bagi menyebar luas budaya berkoperasi dalam kalangan awam serta memberdaya gerakan koperasi dengan maklumat-maklumat yang berguna. Ini kerana menulis bukan sahaja bertujuan untuk penyampaian maklumat, menceritakan kejayaan sesebuah koperasi dan dasarnya, ia juga bertujuan untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi iaitu mendidik.

“

Pada masa yang sama, saya amat mengalu-alukan sumbangan yang berterusan dalam penulisan dari pelbagai pihak yang berkait dengan kisah kejayaan koperasi, keunikan produk dan perkhidmatan koperasi, wawancara tokoh-tokoh terkait dengan gerakan koperasi, kertas kajian, penulisan tentang pendapat, penulisan kreatif dan sebagainya untuk kami pertimbangkan penerbitannya.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kita harus berusaha sedaya upaya kita bagi menterjemahkan majalah Gagasan ke dalam tindakan sesuai dengan namanya. Tanpa sumbangan penulisan yang berterusan daripada “orang dalam”, kita tidak menyediakan kegiatan intelektual sebagai pasak keyakinan kepada gerakan ini. Sebuah gerakan tanpa bayang keyakinan yang hadir dari akal dan sukma nurani para penggeraknya melalui penulisan umpama raga tanpa jiwa. Akhir kata, semoga segala usaha kita dalam memetakan gerakan koperasi sebagai penyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara serta pemangkin kepada penyatuan sosial melalui pengagihan kekayaan yang adil dan saksama dipandang oleh Allah SWT sebagai ibadah.

Selamat membaca!



4-5 | PERUTUSAN

Melangkah Kehadapan :
Koperasi Menuju Perolehan
RM73 Bilion Menjelang 2030




6-9 | RENCANA UTAMA

Perlis Indera Kayangan - Destinasi Penganjuran BKK Tahun 2024

10-11 | FOKUS

Secangkir Coopitiam Untuk
Dinikmati



12-13

CTRM Koop Peneraju Komuniti
Koperasi Digital di Melaka

14-15

KPPKNK Dominasi Pasaran
Gas LPG di Utara Kedah

16-17 | PROAKTIF

Koperasi Pekerja-pekerja
Unisem (M) Berhad Nadi
Ekonomi Pekerja Kilang
Semikonduktor di Ipoh, Perak

18-19 | ALBUM FOTO

Koleksi foto-foto BKK'24



20-21 | PROAKTIF

Koperasi Sejati Berhad
Pelopor Ladang Durian Sektor
Koperasi di Malaysia



22-23

Mensejahterakan Industri
Pelancongan Daerah Mersing

24-25 | INSPIRASI

Sektor Perladangan Kelapa
Sawit Pemacu Kemakmuran
Koperasi

26-27

Pemeriksaan Sumber
Ekonomi Biru



28-29

Nikmat Suasana Desa di
Kampung Lonek

30-31 | GAGASAN

Modal : Pernahkah Cukup?

32-34

Biar Semua Terlibat



Melangkah Ke hadapan: Koperasi Menuju Perolehan RM73 Bilion Menjelang 2030

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Berkoperasi
buat semua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan penerbitan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah pimpinan Tuan Haji Fadilah bin Salim di atas kejayaan menerbitkan Majalah Gagasan Koperasi edisi 1 Tahun 2024. Majalah ini merupakan satu usaha SKM dalam menyalurkan kepelbagaian maklumat, ilmu dan perkembangan ekonomi semasa sektor koperasi.

Tahun ini kita menyaksikan penganjuran Bulan Koperasi Kebangsaan 2024 (BKK'24) di Negeri Perlis buat julung kalinya. Saya amat kagum dengan sambutan yang ditunjukkan oleh masyarakat Negeri Perlis terhadap penganjuran tersebut. Kehadiran pengunjung yang mencecah lebih 10,000 orang telah memberi manfaat bukan sahaja kepada para koperator dan peniaga malahan kepada masyarakat sekitar yang membeli produk dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan.

Pendedahan yang berterusan mengenai produk dan perkhidmatan koperasi kepada masyarakat melalui program-program seumpama ini merupakan usaha yang berterusan daripada pihak SKM. Saya amat berharap agar gerakan koperasi sentiasa bersedia mempertingkatkan daya kreatif dan inovatif melalui penawaran produk dan perkhidmatan yang berdaya maju agar SKM dapat membantu mengetengahkannya kepada masyarakat. Koperasi juga disarankan agar sentiasa mempunyai sudut pandang yang positif dengan perubahan yang berlaku dan bijak mencari ruang dan peluang bagi meningkatkan perolehan koperasi. Sejajar dengan itu juga, penggubalan perundangan dan dasar dilaksanakan agar seiring dengan kehendak semasa untuk mencapai sasaran jumlah perolehan yang digariskan dalam DaKoM2030 iaitu RM73 bilion pada tahun 2030.

Akhir kata, semoga koperasi akan terus maju jaya dalam apa jua aktiviti perniagaan yang dijalankan.

Sekian, terima kasih

RUSLI JAAFAR
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH SURUHANJAYA



Pendaftaran Koperasi



Geran Bantuan Pembangunan



Pembiayaan Tabung Modal Pusingan
(TMP-SKM)



Aduan dan Maklumbalas



Audit Koperasi



DDE



Easy Coop



Tahun ini kita menyaksikan penganjuran Bulan Koperasi Kebangsaan 2024 (BKK'24) di Negeri Perlis buat julung kalinya. Saya amat kagum dengan sambutan yang ditunjukkan oleh masyarakat Negeri Perlis terhadap penganjuran tersebut. Kehadiran pengunjung yang mencecah lebih 10,000 orang telah memberi manfaat bukan sahaja kepada para koperator dan peniaga malahan kepada masyarakat sekitar yang membeli produk dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan.



DYMM Pemangku Raja Perlis bersama pengunjug semasa Majlis Perasmian BKK'24.



Titah DYMM Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail semasa Majlis Perasmian BKK'24.

Perlis Destinasi Penganjukan Bulan Koperasi Kebangsaan Tahun 2024

Oleh: **ARIF ASYRAF BIN MOHAMMED KHALIM**
Timbalan Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Cawangan Negeri Perlis

Buat Julung Kalinya Perlis Menjadi Tuan Rumah Bagi Sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan Tahun 2024

Sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025, kawasan pekarangan Kompleks JPS, Pengkalan Asam, Kangar, Perlis buat julung kalinya telah dipilih sebagai tuan rumah bagi penganjukan Bulan Koperasi Kebangsaan tahun 2024 (BKK'24). Kedudukan lokasi yang terletak di tengah-tengah pusat bandar Kangar itu merupakan sebuah destinasi pelancongan yang wajib dilawati oleh mereka yang ingin melancong ke Negeri Perlis. Sekitar tapak penganjukan program juga terdapat pelbagai fasiliti

rekreasi seperti Taman Rekreasi Pengkalan Asam (Denai Larian), Pasar Terapung dan Jambatan Gantung Sungai Perlis yang sering menjadi tarikan kepada para pelancong antarabangsa dan warga tempatan untuk beriadah pada hujung minggu. Atas pertimbangan faktor-faktor strategik tersebut, maka lokasi ini diangkat sebagai lokasi penganjukan sambutan BKK'24.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bersama rakan strategik iaitu Institut Koperasi



DYMM Pemangku Raja Perlis menyempurnakan simbolik perasmian BKK'24 bertempat di Kompleks JPS, Pengkalan Asam, Kangar, Perlis pada 5 Julai 2024.



DYMM Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail mencemar duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian BKK'24.

Malaysia (IKMa), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Co-opbank Pertama (CBP) telah dengan jayanya berganding bahu dalam memastikan penganjuran kali ini berjalan dengan tertib dan lancar. Penganjuran BKK'24 yang berlangsung selama tiga hari pada 5 hingga 7 Julai 2024 telah disempurnakan perasmian oleh DYMM Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

BKK'24 MENYOKONG PELAKSANAAN DaKoM2030

Tujuan utama penganjuran BKK'24 adalah untuk memastikan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM2030)

terlaksana khususnya di bawah Teras Dasar 2 iaitu untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan prinsip koperasi khususnya kepada warga koperator dan orang awam.

Pengisian program yang telah dirangka dalam BKK'24 adalah seperti taklimat pengenalan Program SE.RASI, taklimat-taklimat agensi, jabatan dan rakan strategik BKK'24, pengiktirafan ke atas koperasi terbaik serta penyerahan cek cura kepada koperasi-koperasi penerima Geran Bantuan Pembangunan SKM, Pembiayaan TMP-SKM dan penerima Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat di Negeri Perlis semuanya adalah bertujuan untuk mendidik orang awam tentang model koperasi, pembiayaan, bantuan dan faedah yang disediakan oleh SKM sebagaimana yang telah digariskan di bawah Strategi 9 DaKoM2030 (mendorong keterangkuman melalui model koperasi).

Selain itu, BKK'24 turut menganjurkan Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) dengan penglibatan sebanyak 40 pempamer daripada koperasi dan 15 pempamer daripada usahawan yang menawarkan diskaun sehingga 20% pada sepanjang program berlangsung. Pelaksanaan program ini selaras dengan aspirasi DaKoM2030 dibawah Teras Dasar 3 iaitu untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi. Menerusi kaedah pemberian insentif ia mampu mengukuhkan keterlihatan koperasi dalam jangkauan pasaran sekaligus dapat melonjakkan pertumbuhan industri utama koperasi seperti yang digariskan dalam Strategi 11. Strategi ini terbukti berkesan apabila angka kehadiran pengunjung bagi penganjuran BKK'24 adalah mencecah seramai 10 ribu orang. Tambahan, rekod jumlah jualan dan potensi jualan turut mencatatkan jumlah yang memberansangkan iaitu RM7.2 juta.

BKK'24 turut melibatkan kerjasama 45 buah jabatan dan agensi daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan sebagai pempamer bertujuan untuk menyampaikan dasar-dasar terkini kerajaan, perkhidmatan dan khidmat nasihat yang ditawarkan kepada koperasi, usahawan dan orang awam. Pelaksanaan program seperti ini mampu menggalakan kerjasama di antara koperasi dengan pelbagai pemain industri (usahawan dan koperasi) serta jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan.

KESIMPULAN

Pemilihan lokasi yang tepat dengan mengambil kira faktor-faktor yang strategik, koordinasi yang berkesan dalam kalangan rakan strategik, kerjasama yang utuh yang berlaku di antara penganjur dengan jabatan atau agensi daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan menyumbang kepada penerimaan sambutan yang menggalakan daripada pelbagai latar dan lapisan masyarakat yang akhirnya membawa kepada kejayaan dan tercapainya objektif penganjuran BKK'24.



DYMM Pemangku Raja Perlis berkenan untuk bergambar bersama penerima-penerima cek cura Bantuan Pembangunan dan Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.



Kakitangan Secangkir Coopitiam yang sentiasa ceria dan mesra pelanggan.

Outlet Secangkir Coopitiam di luar kampus UTHM.

Secangkir Coopitiam Untuk Dinikmati

Oleh: **MUHAMMAD AMIRUL BIN NOR MOHAMED**
Penolong Pengarah,
SKM Negeri Johor

Koperasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Berhad

Pepatah Arab pernah mengatakan, “Siapa yang berusaha maka dia akan berjaya”. Demikianlah diktum yang menjana percambahan kreativiti serta idea dalam mewujudkan pelbagai inisiatif dan peluang dalam melebarkan sayap perniagaan koperasi. Koperasi Institut Pengajian Tinggi (IPT) menyediakan wadah dalam membentuk serta memberi peluang kepada warga mahasiswa untuk menjadi usahawan yang mampan. Pelbagai pendekatan yang dilaksanakan oleh Koperasi IPT mahupun agensi-agensi yang terlibat dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan mahasiswa mahupun warga pendidik.

Dalam meniti arus revolusi perindustrian yang kian mencabar, IPT seharusnya menjadi platform bagi meningkatkan ketinggian ketamadunan dan intelektual masyarakat agar ia mampu menyediakan modal insan yang berdaya saing serta berdaya cipta dalam menangani cabaran

masa kini. Koperasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Johor Berhad adalah di antara koperasi IPT yang menyahut seruan tersebut.

Ditubuhkan pada 25 Ogos 1997, pada awalnya koperasi hanya terlibat dalam aktiviti peruncitan yang menjual barangan keperluan asas kepada kakitangan dan mahasiswa UTHM di dalam kampus sahaja. Secara beransur-ansur, koperasi mula mengorak langkah dalam mengembangkan perniagaannya dengan menceburi aktiviti pembiayaan kredit kepada anggota yang terdiri daripada kakitangan UTHM. Hasilnya, keanggotaan koperasi mula meningkat secara drastik.

SECANGKIR MENEMPA NAMA DI PERSADA

Perniagaan koperasi terus berkembang dengan tertubuhnya sebuah jenama Secangkir Coopitiam. Kopitiam ini merupakan sebuah jenama dan bidang perniagaan baharu milik koperasi yang berkonsepkan kafe dengan menawarkan ruang bagi sebarang diskusi santai dan formal untuk warga UTHM. Sepanjang bulan Ramadan, Secangkir Coopitiam

menyediakan pakej Semarak Secangkir Buffet iaitu pakej berbuka puasa pada harga yang berpatutan iaitu RM45 seorang bagi dewasa dan RM25 bagi seorang kanak-kanak dan warga emas. Menu yang disediakan adalah bercirikan masakan melayu dan barat.

Jenama ini terus diterapkan penggunaannya ke atas bidang perniagaan lain seperti Secangkir Academy yang menawarkan perkhidmatan seminar secara fizikal dan maya kepada pelanggan koperasi. Manakala, Secangkir Mart

pula adalah penjenamaan semula konsep perniagaan runcit koperasi kepada konsep campuran kafe dan serbaneka.

Natijahnya, koperasi telah berjaya disenaraikan dalam 350 Koperasi Terbaik di Malaysia pada tahun 2022. Koperasi juga telah diangkat sebagai *The Most Trusted Islamic Brand* semasa penganjuran *Islamic Distinguished Entrepreneur Award 2023 (IDEA 2023)* oleh Dewan Perniagaan Muslim Insider. Segala kejayaan koperasi membuktikan bahawa hasil tidak pernah mengkhianati usaha.



Secangkir Coopitiam sedia untuk menerima tempahan bagi sebarang penganjuran majlis.



Suasana Secangkir Coopitiam yang moden dan selesa.




Secangkir Mart yang menawarkan barangan serbaneka kepada pelanggan selain ruangan kafe.



CTRM Koop Peneraju Komuniti Koperasi Digital di Melaka

Oleh: **IKHWAN FIRDAUS BIN ROSLAN**
Pegawai Ehwai Ekonomi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Melaka


Koperasi CTRM Melaka Berhad telah ditubuhkan pada 19 Februari 2016 oleh pekerja Composite Technology Research Malaysia (CTRM) Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat pembuatan panel kapal terbang berasaskan komposit bagi *Airbus* dan *Boeing* yang berpusat di Batu Berendam, Melaka. Aktiviti perniagaan koperasi bermula dengan aktiviti sewaan tapak mesin layan diri dan kini telah melebarkan sayapnya dengan memperkenalkan perkhidmatan perdigitalan kepada koperasi-koperasi di Negeri Melaka dan seluruh Malaysia.



Antara perkhidmatan yang dibekalkan oleh Koperasi CTRM Berhad adalah pakej penganjuran dan kelengkapan mesyuarat atas talian.



Antara *vending machine* yang diletakkan di ruang sewaan yang diberikan oleh CTRM kepada koperasi.



Laman sesawang melakacoopnity.com bertujuan untuk menghimpun dan meningkatkan kerjasama dalam perniagaan di antara koperasi di Negeri Melaka.

Pada tahun 2019 koperasi telah memperkenalkan logo baharu dan menjenamakan semula nama koperasi kepada CTRM KOOP. Sejurus selepas itu, pelbagai perkhidmatan baharu telah diperkenalkan oleh koperasi antaranya menyediakan pakej lengkap perkhidmatan penganjuran mesyuarat secara atas talian termasuk sistem kehadiran dan undian (fizikal, maya dan campuran), penganjuran acara, fotografi, videografi, montaj, iklan, video 3D, penghasilan dendang iklan (*jingle*) dan lagu tema, penyediaan paparan slaid, pembikinan dan pengurusan laman sesawang, rekaan poster, penerbitan risalah, kad digital, buku, majalah, pengurusan serta pengiklanan media sosial seperti YouTube, Facebook, Instagram, TikTok dan LinkedIn dan penghasilan cenderamata serta penganjuran latihan kemahiran dan insaniah.

CTRM KOOP dengan kerjasama SKM Negeri Melaka telah membangunkan laman sesawang MelakaCoopnity.com sebagai sebuah wadah digital

yang berperanan sebagai pusat sehati komuniti digital dengan menyasarkan koperasi-koperasi di Negeri Melaka sebagai ahli. Menerusi platform tersebut, ahli boleh memasarkan produk-produk mereka serta mendapatkan pelbagai perkhidmatan pendigitalan yang ditawarkan dengan harga yang sangat berpatutan. Koperasi telah menerima sejumlah RM12 ribu daripada SKM menerusi pakej geran e-DAPAT untuk bekerjasama dengan 10 buah koperasi di seluruh Malaysia sebagai pembekal perkhidmatan pendigitalan.

Antara pencapaian terbaik CTRM KOOP pada tahun 2024 adalah DRB Hicom University telah memberikan kepercayaan penuh kepada koperasi untuk menggubah lagu tema baharu untuk digunakan semasa Istiadat Konvokesyen ke-8 pada 24 Februari 2024 di Pekan, Pahang.

KPPKNK Dominasi Pasaran Gas LPG di Utara Kedah

Oleh: **WAN ABDULLAH LUTFI BIN WAN MUDA**
Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi,
SKM Cawangan Negeri Kedah

Sejak lima dekad yang lalu, gas memasak atau *Liquefied Petroleum Gas* (LPG) adalah merupakan barangan keperluan asas yang wajib ada dalam setiap rumah. Malah, jumlah permintaan gas memasak semakin meningkat dari masa ke semasa. Melihat kepada peluang ini, Koperasi Pegawai- Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad (KPPKNK) yakin untuk menceburi perniagaan ini sekaligus dilantik sebagai Stokis Petron Gasul yang terbesar di utara Kedah (merangkumi daerah Alor Setar, Ayer Hitam, Jerlun, Jitra, Kuala Kedah, Kubang Pasu dan sebahagian besar Pokok Sena).



Pusat Pengedaran LPG milik KPPKNK di utara Kedah.

KPPKNK telah menjadi pengedar sah untuk tong gas berjenama Petron Gasul sejak 16 November 2016 setelah berjaya mengambil alih perniagaan ini daripada Syarikat Gassotara Trading. Bertitik tolak daripada itu, perniagaan ini semakin berkembang sehingga koperasi perlu melantik 5 peniaga dan 20 substokis sebagai pengedar di kawasan utara Kedah.

Dengan kelulusan lesen yang telah diperoleh daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN), stokis ini mampu menempatkan sejumlah 49,000 kg LPG bersamaan dengan 3,500 buah tong berkapasiti 14 kg setong pada satu-satu masa. Lebih menarik lagi, koperasi turut menerima permintaan untuk memasarkan tong gas dari pelbagai jenama lain. Ini menunjukkan bahawa pihak lain telah mula yakin dengan kemampuan koperasi yang mempunyai rangkaian perniagaan yang luas dalam bidang perniagaan ini.

Prestasi jualan koperasi amat memberangsangkan apabila jualan setiap bulan mampu mencecah sebanyak 50,000 hingga 60,000 tong dengan anggaran nilai sebanyak RM1 juta. Antara faktor yang membantu kepada peningkatan jualan ini adalah disumbang oleh pemberian Geran Bantuan Pembangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melalui Program Pemeraksanaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE) berjumlah RM155 ribu untuk membiayai pembelian sebuah lori tiga (3) tan bagi tujuan untuk memperluaskan lagi kawasan pengedaran koperasi.

PRESTASI PERNIAGAAN GAS LPG

Melihat kepada prestasi keuntungan tiga (3) tahun kebelakangan, perniagaan gas ini telah memperoleh jualan sebanyak RM36 juta. Manakala, sejumlah RM1.5 juta keuntungan telah dicatatkan sepanjang tempoh tersebut. Pertumbuhan pendapatan yang kukuh ini disumbangkan oleh pembukaan semula ekonomi yang semakin rancak pasca-Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini membuktikan bahawa perniagaan LPG antara perniagaan yang mampu menjamin pendapatan yang tinggi kepada koperasi sekaligus memberikan pulangan yang lumayan kepada semua anggota KPPKNK.



Kerja-kerja pemungkah tong gas LPG sedang dilaksanakan.

Majlis penyerahan lori oleh Timbalan Pengarah SKM Cawangan Negeri Kedah (enam dari kiri) di bawah Program SCOPE.



Pengurusan Unisem sentiasa menyokong perniagaan koperasi.

Koperasi Pekerja-Pekerja Unisem (M) Berhad Nadi Ekonomi Pekerja Kilang Semikonduktor di Ipoh, Perak

Oleh: **RATNA KHASUZIANA BINTI MOHD KHALID**
Pegawai Ehsan Ekonomi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Perak

Koperasi Pekerja-Pekerja Unisem (M) Berhad telah didaftarkan pada 16 Jun 1995 oleh kakitangan Syarikat Unisem (M) Berhad yang beroperasi sebagai pengeluar semikonduktor di Ipoh, Perak. Bermula dengan seramai 72 orang anggota dan 2 orang pekerja, kini koperasi mempunyai anggota seramai 826 orang dengan kekuatan tenaga kerja seramai 7 orang. Koperasi telah menceburi aktiviti perniagaan dalam bidang peruncitan, sewaan bangunan, sewaan gerai dan pembiayaan kredit kepada anggota.



Koop Uni-Mart menyediakan perkhidmatan barangan keperluan asas kepada anggotanya.

SUMBANGAN KOPERASI TERHADAP ANGGOTA DAN MASYARAKAT

Terdapat beberapa sumbangan koperasi terhadap anggota antaranya:

- Tabung Kebajikan untuk anggota sehingga RM2 ribu.
- Tabung Pendidikan iaitu penghargaan kepada anak anggota yang berjaya dalam pelajaran.
- Pinjaman khas untuk kebajikan anggota sehingga RM5 ribu.
- Zakat
- Dividen
- Insurans berkelompok (*Personal Accident*) dengan jumlah perlindungan sehingga RM30 ribu.



Premis perniagaan dobi layan diri milik koperasi di Pulau Jaya, Ipoh.

KEDAI UNI-MART

Peruncitan merupakan aktiviti utama koperasi di mana hampir kesemua barangan keperluan dibekalkan kepada warga Unisem yang terdiri daripada warga tempatan dan warga asing. Koperasi mempunyai dua buah kedai runcit yang beroperasi di dalam kilang dan asrama pekerja-pekerja Unisem (APPU). Kedai Uni-Mart (APPU) turut menyediakan ruangan untuk disewa bagi perkhidmatan urusniaga kiriman wang ke Indonesia kepada penyewa yang berlesen.

AKTIVITI SEWAAN

Koperasi memiliki dua (2) lot rumah kedai yang terletak di kawasan Simpang Pulai, Ipoh yang telah disewakan kepada pengusaha dobi dan kedai makan. Di samping itu juga, koperasi turut menyediakan ruangan untuk disewa di Kedai Uni-Mart bertujuan untuk meningkatkan pendapatan koperasi. Ruangan tersebut sangat sesuai untuk digunakan bagi tujuan promosi produk atau perkhidmatan seperti kad kredit, jualan telefon bimbit dan jualan sempena musim perayaan seperti biskut raya.

KEJAYAAN DAN PERANCANGAN MASA HADAPAN

Pada tahun 2023 dan 2024, koperasi telah tersenarai di bawah 350 Koperasi Terbaik di Malaysia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Bagi mengulangi kejayaan tersebut, koperasi merancang untuk membuka sebuah lagi kedai runcit di kilang baharu Unisem yang dirancang akan mula beroperasi sebelum berakhirnya tahun 2024 di Gopeng, Perak. Ini merupakan satu lagi peluang kepada koperasi untuk mengembangkan lagi sektor peruncitannya. Semoga perancangan ini membuahkan kejayaan serta limpahan kekayaannya dapat meningkatkan mutu perkhidmatan koperasi bagi dinikmati oleh anggota-anggotanya.



Majlis Pelancaran Bulan Koperasi Kebangsaan 2024 (BKK'24)

5 hingga 7 Julai 2024

Kompleks JPS, Pengkalan Asam, Kangar, Perlis
Perasmian oleh DYMM Pemangku Raja Perlis,
Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail



70 peratus daripada durian yang ditanam adalah daripada spesis Musang King.

Koperasi Sejati Berhad Pelopor Ladang Durian Sektor Koperasi di Malaysia

Oleh: **NOOR AZURA BINTI MASLAN**
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi

Durian merupakan salah satu daripada 11 jenis buah-buahan yang telah dikenalpasti di bawah Dasar Agro Makanan (2011-2020) yang mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi menampung permintaan tempatan dan antarabangsa. Tanaman durian di Malaysia mempunyai potensi yang tinggi dimana pada tahun 2023 sebanyak 87,365 hektar tanah ditanam dengan durian dengan jumlah pengeluaran sebanyak 471,672 tan setahun (Statistik Tanaman Buah-buahan 2023, Jabatan Pertanian Malaysia).

KOPERASI SEJATI CEBURI INDUSTRI DURIAN

Bermula dengan aktiviti kredit sejak didaftarkan pada 10 Februari 1983, Koperasi Sejati Berhad mengorak langkah ke dalam bidang pertanian durian yang lebih mencabar pada tahun 2018. Koperasi melihat aktiviti kredit di Malaysia telah terlalu banyak dan mempunyai keperluan untuk menceburi bidang baharu bagi mengembangkan perniagaan yang telah dibina sejak tahun 1999. Koperasi telah melabur dalam penanaman durian seluas hampir 30 ekar bagi dua (2) ladang durian di Daerah Raub. Lokasi ini dipilih kerana Raub merupakan kawasan penanaman durian yang berkualiti terbaik di Malaysia. Tempoh pulangan modal yang panjang dalam industri durian menjadi tarikan utama koperasi untuk lebih bergerak aktif dalam industri ini.

Kebun Durian Sang Lee di Pekan Cina, Mukim Tras, Jalan Raub Lama mempunyai 500 pokok baharu dalam lingkungan lima (5) tahun dengan keluasan 20 ekar. Hasil pengeluaran ladang ini masih minima sekitar 10-20 buah sepokok. Manakala ladang durian di Raub Durian Orchard

Penulis merasai sendiri pengalaman mengutip durian di kebun.



dengan keluasan 10 ekar mempunyai 300 pokok durian yang berusia 20 tahun ke atas. 70% daripada spesis durian yang ditanam di Raub Durian Orchard adalah Musang King dan selebihnya adalah Blackthorn, Hor Lor, Udang Merah, D7, D24, D2, Durian Kampung dan juga Tekka. Koperasi juga menanam pokok buah lain seperti manggis, rambutan, dokong dan pulasan di kawasan yang masih kosong.

PENGURUSAN LADANG DURIAN

Bagi mendalami industri pertanian durian, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pekerja ladang telah menghadiri pelbagai kursus penjagaan pokok durian anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Sehingga kini, koperasi mempunyai tujuh (7) orang pekerja ladang yang terlatih bagi menjaga kedua-dua kebun durian milik koperasi.

Pastinya ada cabaran dalam industri durian termasuk pengeluaran bekalan durian yang berterusan, serangan penyakit dan perosak, perubahan cuaca yang ekstrem, pemasaran dan penggunaan teknologi dalam pengurusan ladang. Koperasi juga tidak terlepas daripada menghadapi cabaran yang bukannya kecil ini dengan mengambil langkah-langkah pencegahan dan penjagaan pokok dengan mendapatkan nasihat daripada pakar penanaman durian yang terkemuka di Malaysia dan dunia iaitu Dr. Lim Chin Khee dan lebih dikenali "Sifu Durian". Beliau mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam industri durian.

HARAPAN DALAM INDUSTRI DURIAN

Koperasi Sejati Berhad menyasarkan untuk menghasilkan buah durian gred premium serta menawarkan pengalaman menjamu selera yang tidak dapat dilupakan di Raub Durian Orchard. Koperasi menawarkan pakej yang menarik sambil menikmati durian dan juga buah-buahan sampingan yang ada di dusun durian Koperasi Raub Durian Orchard.

Koperasi Sejati Berhad sentiasa berlapang dada untuk bekerjasama dengan mana-mana koperasi yang mempunyai modal atau tanah untuk memperbanyakkan penanaman pokok durian berskala besar bagi mengimbangi permintaan dalam dan luar negara

kerana nilai eksportnya yang tinggi. Koperasi juga mampu berperanan untuk menjadi pusat pengumpulan durian sekiranya ingin memasarkan ke luar negara. Koperasi Sejati menyeru supaya lebih banyak koperasi menceburi dalam tanaman pokok durian kerana pasarannya kini meluas dan menguntungkan.

KEJAYAAN KOPERASI

Pada tahun 2023 Koperasi Sejati Berhad telah disenaraikan sebagai '100 Koperasi Terbaik' dalam Malaysia pada kedudukan ke-40 dan melonjak naik ke kedudukan 38 pada tahun 2024. Kejayaan ini telah disumbangkan oleh aktiviti kredit, pertanian durian dan juga aktiviti pelaburan dalam sewaan hartanah. Koperasi berhasrat untuk meningkatkan lagi prestasi koperasi ke lebih tinggi supaya dapat memberi pulangan yang baik kepada anggota mahupun masyarakat.



Ruang bergambar di Raub Durian Orchard disediakan kepada pengunjung yang ingin merakam gambar kenangan.



Pengunjung bergambar kenang-kenangan di dusun durian milik Koperasi Sejati di Raub, Pahang.



Lokasi inap desa koperasi berada di kawasan bandar Mersing dan berhampiran dengan jeti ke pulau-pulau di Daerah Mersing menjadikan inap desa ini sebagai pilihan pelancong oleh kerana lokasinya yang strategik.

Mensejahterakan Industri Pelancongan Daerah Mersing

Oleh: **MUHAMMAD AZRI BIN A RAHIM**
Pegawai Ehwal Ekonomi,
SKM Cawangan Negeri Johor

Koperasi My Mersing Berhad telah ditubuhkan pada 22 Februari 2019. Penubuhan koperasi tersebut selaras dengan visi Ke Arah Bandar Mersing Bandar Pelancongan Yang Bersih, Indah dan Menawan. Idea penubuhan koperasi ini merupakan mandat daripada pegawai daerah semasa itu selaras dengan hala tuju rancangan tempatan daerah Mersing 2030 yang menyasarkan kedatangan pelancong daripada 250,000 orang kepada 2,000,000 orang setahun.

PERNIAGAAN KOPERASI

Koperasi ini menjalankan aktiviti perkhidmatan pelancongan dengan menawarkan dua unit inap desa yang berkonsepkan rumah tradisional. Secara dasarnya inap desa tersebut merupakan rumah kakitangan yang telah diubah suai menjadi rumah ikonik Johor iaitu rumah limas berkonsepkan Melayu Johor. Pihak koperasi telah menggunakan modal syer anggota bagi menyediakan pelbagai fasiliti seperti set ruangan

bilik tidur, set ruang tamu, set dapur dan juga kemudahan yang lain demi memberi keselesaan kepada penginap. Pakej penginapan yang ditawarkan adalah berpatutan bermula dari RM180.00 sehingga RM200.00 untuk semalam. Bagi anggota koperasi pula, pihak pengurusan menawarkan harga RM150.00 bagi semalam sebagai kelebihan buat anggota. Inap desa tersebut mampu memuatkan antara enam (6) hingga lapan (8) orang pada satu-satu masa.

KEDUDUKAN STRATEGIK

Lokasi inap desa koperasi berada di kawasan bandar Mersing dan berhampiran dengan jeti ke pulau-pulau di Daerah Mersing menjadikan inap desa ini sebagai destinasi pilihan pelancong kerana lokasinya yang strategik. Inap desa ini sentiasa mendapat permintaan yang tinggi daripada pelancong lebih-lebih lagi pada cuti hujung minggu dan cuti umum. Kedudukan inap desa koperasi yang berhampiran dengan pantai membolehkan para pelancong melakukan aktiviti riadah dan menikmati pemandangan laut. Terdapat juga kemudahan lain berhampiran seperti gerai makanan dan kemudahan akses internet.



Koperasi My Mersing Berhad menawarkan produk pelancongan berkonsepkan *lifestyle* inap desa yang mempunyai reka bentuk melayu klasik menjadikan inap desa ini sebagai lokasi majlis resepsi perkahwinan dan juga majlis-majlis apresiasi yang lain.

INFRASTRUKTUR HOMESTAY

Imej penginapan inap desa koperasi yang berkonsepkan rumah tradisional menjadikan daya tarikan yang unik oleh pelancong. Reka bentuk bumbung limas inap desa ini bukan sahaja dijadikan sebagai tempat bermalam, malahan dijadikan sebagai tempat pengembaraan dan penggambaran oleh pelbagai agensi terutamanya agensi pelancongan Negeri Johor. Inap desa ini pernah terpilih sebagai salah

satu lokasi sesi penggambaran oleh Tourism Johor bagi memperkenalkan tarian zapin Negeri Johor. Produk pelancongan berkonsepkan gaya hidup inap desa yang mempunyai reka bentuk melayu klasik menjadikan inap desa ini sebagai lokasi majlis resepsi perkahwinan dan juga majlis-majlis apresiasi yang lain. Keunikan infrastruktur ini merupakan daya tarikan utama yang menjanjikan pengalaman yang indah kepada pelancong.



Pengunjung sentiasa dialu-alukan kedatangan mereka di inap desa koperasi.

PROMOSI

Pada tahun 2023, koperasi telah menerima geran bantuan daripada beberapa agensi kerajaan bagi tujuan pemrosesan bagi meningkatkan pemasaran dan imej perniagaan koperasi. Geran ini menjadi sokongan kepada koperasi dalam memastikan perkhidmatan inap desa yang ditawarkan sentiasa mendapat permintaan.

Secara keseluruhannya, idea perkhidmatan inap desa yang dilaksanakan oleh koperasi telah menjadi suatu alat yang menyokong visi pembangunan industri pelancongan di Daerah Mersing. Perkara ini selaras dengan hala tuju Kerajaan Negeri Johor yang ingin menjadikan Daerah Mersing sebagai sebuah hab pelancongan. Secara tidak langsung juga, inap desa ini telah mewujudkan nilai komersial pembangunan luar bandar yang masih mengekalkan identiti dan adat budaya masyarakat Negeri Johor.

Sektor Perladangan Kelapa Sawit Pemacu Kemakmuran Koperasi

Oleh: **MOHAMMAD AL FIRDAUS BIN RUSLAN**
Pegawai Ehwal Ekonomi,
SKM Cawangan Negeri Perak



Ibu pejabat Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad yang terletak di Taman Puri Bestari, Kuala Kangsar, Perak.

SEJARAH PENUBUHAN

Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad (Koop Pehuma) atau dahulunya dikenali sebagai Syarikat Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Dengan Tanggungan Berhad telah ditubuhkan pada 9 Februari 1961. Pindaan nama koperasi dibuat bertujuan untuk menyesuaikan latar keanggotaan koperasi yang diwarisi oleh keluarga pegawai-pegawai hutan di Negeri Perak. Sepanjang 35 tahun penubuhannya, sektor perladangan adalah merupakan aktiviti utama koperasi. Inisiatif untuk menggerakkan aktiviti ekonomi koperasi bermula pada tahun 1973. Koperasi memohon kepada kerajaan Negeri Perak pada ketika itu untuk mendapatkan hak penggunaan tanah hutan seluas 3,000 ekar di Hutan Simpan Beruas, Perak bagi tujuan aktiviti perladangan sawit. Usaha tersebut membuahkan hasil apabila Exco Kerajaan Negeri Perak meluluskan hak penggunaan tanah kepada koperasi seluas 2,650 ekar.

Bagi memajukan tanah hutan tersebut, sebanyak RM3.5 juta diperlukan bagi memulakan aktiviti perladangan sawit. Pada waktu itu, koperasi tidak mempunyai kemampuan tersebut. Untuk mengatasi masalah itu, koperasi telah membuat permohonan pembiayaan dengan Bank Pertanian dan diluluskan sebanyak RM3,575,200.00 bagi tujuan tersebut.

Pada tahun 1994, koperasi telah mula mengembangkan kawasan perladangan dengan membeli sebuah ladang kelapa sawit dan getah milik individu seluas 643 ekar dan sebahagian kecil dijadikan sebagai pejabat ladang koperasi. Berkat usaha anggota, koperasi telah berjaya mencatat hasil pendapatan yang sangat baik serta mampu meningkatkan prestasi pendapatan dari tahun ke tahun. Kemajuan dan pembangunan koperasi menunjukkan keberhasilan dan kestabilan koperasi dalam mengelola pelbagai aktiviti sehingga sekarang.

KEJAYAAN AKTIVITI-AKTIVITI DIJALANKAN KOPERASI

Ladang Kelapa Sawit

Kini, Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad mempunyai kawasan ladang kelapa sawit seluas 792.75 hektar. Daripada aktiviti perladangan ini, koperasi mampu mengeluarkan hasil sebanyak 13,000 hingga 15,000 metrik per tan setahun. Koperasi berhasrat untuk mengembangkan aktiviti perladangan serta meningkatkan pendapatan koperasi dengan membeli tanah ladang kelapa sawit dan melakukan penanaman semula bagi tanah yang sedia ada.

Ternakan

Pada tahun 1996, koperasi memulakan projek ternakan lembu secara komersial di dalam Ladang Koop Pehuma (KP) Induk dengan mendapat khidmat nasihat daripada Jabatan Veterinar Perak Tengah. Namun aktiviti ini terpaksa dihentikan bagi memberi fokus kepada aktiviti penanaman semula sawit. Pada tahun 2014, aktiviti ini dilaksanakan semula dengan pembelian pukal sebanyak 123 ekor lembu. Pada tahun 2021, koperasi telah mendapat bantuan pembangunan daripada SKM sebanyak RM100 ribu bagi pembinaan kandang lembu yang baharu. Kini bilangan lembu telah meningkat kepada 227 ekor.

Sewaan Bangunan dan Kediaman

Koperasi memiliki lapan (8) unit bangunan yang bernilai hampir RM5 juta di sekitar Kuala Kangsar, Taiping, Kamunting dan Selama serta empat (4) unit kediaman di Behrang, Perak yang dijadikan sebagai sewaan bangunan dan kediaman. Rekod terkini penyewa adalah seramai 15 individu dan 25 syarikat bagi keseluruhan 40 unit hartanah milik koperasi.

Tapak Semaian

Lokasi pertama aktiviti ini terletak di Ladang KP Induk seluas 10 ekar dan biji benih yang digunakan adalah Chemara dan anak sawit matang akan digunakan bagi tujuan penanaman semula di ladang koperasi seterusnya dijual kepada pekebun kecil atau syarikat yang berminat. Pada Jun 2022, lokasi aktiviti telah berpindah ke kawasan yang lebih baik dengan keluasan enam (6) ekar yang sedang giat dibangunkan.

PENCAPAIAN KOPERASI

Pada tahun 2022, Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad pernah disenaraikan sebagai '100 Koperasi Terbaik' dalam Malaysia pada kedudukan ke-74 dan melonjak naik ke kedudukan 72 pada tahun 2023 dan pada tahun 2024 pada kedudukan ke-77.

Kejayaan ini telah memberi semangat kepada barisan Anggota Lembaga Koperasi untuk terus berusaha meningkatkan nama koperasi di kedudukan yang lebih tinggi seterusnya memberi pulangan kepada anggota Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad. Koperasi juga telah tersenarai sebagai pembayar zakat perniagaan terbesar dalam Negeri Perak dan telah dijemput ke Istana Kinta, Ipoh bagi majlis penyerahan zakat perniagaan kepada DYMM Sultan Perak. Pengerusi Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad, Encik Nor Sharifuddin Bin Yeop telah menyerahkan zakat sebanyak RM381 ribu pada majlis ini.



Proses mengangkut tandan sawit untuk ke pusat pengumpulan.



Ladang sawit milik Koop Pehuma.



Lembu ternakan Koop Pehuma telah meningkat kepada 227 ekor.



Pemandangan jeti Koperasi Bahtera Berhad daripada udara.

Pemeriksaan Sumber Ekonomi Biru

Oleh: **ABDUL QAYYUM BIN DAWAM**
Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi,
SKM Negeri Sembilan


Koperasi Bahtera Berhad

Malaysia adalah sebuah negara yang dikelilingi seluas 4,675 kilometer garis pantai. Sebagai sebuah negara berstatus maritim yang bersempadan dengan empat perairan utama (Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi), Malaysia berpotensi dalam memainkan peranan dalam geopolitik melalui aspek perdagangan. Sudah tiba masanya pembangunan serta perkhidmatan maritim dijadikan sebagai salah satu agenda utama ekonomi Malaysia. Sektor maritim memainkan peranan penting dalam menjana kemakmuran sesebuah negara. Menelusuri sejarah maritim negara yang panjang, pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, aktiviti perdagangan maritim merupakan sumber utama ekonomi pada zamannya berkat dari kedudukan geografi yang strategik sebagai pusat persinggahan oleh pelbagai latar pedagang yang datang dari belahan dunia Timur dan Barat.

Bertitik tolak daripada kesedaran di atas, Koperasi Bahtera Berhad yang didaftarkan pada tahun 2016 ini telah mengambil inisiatif untuk menggalas tanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan sokongan marin dan maritim. Bermula sebagai operator jeti, koperasi menjadi pembekal air bersih bagi kegunaan syarikat perkapalan yang berlabuh dalam kawasan Port Dickson. Dengan hanya berbekalkan modal syer berbayar sebanyak RM2,400.00. Kini pegangan aset koperasi telah berjumlah RM421,970.41 dengan kekuatan anggota seramai 20 orang, koperasi dengan jayanya mempunyai hak eksklusif ke atas pengurusan aktiviti tersebut. Kejayaan ini tidak datang dengan tangan kosong, anggota-anggota koperasi sememangnya mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang marin dan maritim seperti perkhidmatan sokongan marin, pemanduan kapal tanker dan perkhidmatan “mooring” (tambatan) dan operasi pemuatan kargo.

Sasaran pelanggan koperasi terdiri daripada beberapa buah syarikat perkapalan seperti MTT Sdn Bhd dan Luna Shipping Sdn Bhd. Purata pembekalan air kepada syarikat-syarikat ini sekitar 230 ribu per tan metrik setahun. Hasil pendapatan koperasi telah menyumbang sebanyak RM173 ribu pada tahun 2023 dan telah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM77 ribu. Pengalaman, kemahiran dan kepakaran dalam bidang yang sama dalam kalangan anggota-anggota koperasi merupakan faktor terbesar yang menyumbang kepada kemampuan dan peningkatan daya saing koperasi. Tambahan, peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam memberi khidmat nasihat berkaitan perundangan koperasi dan analisis kewangan turut memantapkan lagi struktur pentadbiran koperasi ini.

Antara cabang perniagaan lain yang telah diusahakan oleh pihak koperasi adalah perkhidmatan sewaan kedai dan rumah sewa. Selain itu, koperasi turut mempelbagaikan sumber pendapatan daripada simpanan tetap dan pelaburan syer tak siarhaga.



Beberapa buah kapal berlabuh untuk mendapatkan bekalan air tawar di jeti Koperasi Bahtera Berhad.

Koperasi perlu meneroka pelbagai peluang yang terdapat dalam sektor perkhidmatan marin dan maritim serta tidak menghadkan aktiviti pembekalan air tawar sahaja bagi mencapai aspirasi Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM2030) untuk membina koperasi yang lebih berdaya maju dan mandiri.

Nikmat Suasana Desa di Kampung Lonek

Oleh: **MOHD SHAFIQ BIN MOHAMAD JAAPAR**
Pegawai Ehwai Ekonomi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Sembilan

Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad Komited Meningkatkan Imej Daerah Jempol

Bagi mereka yang mahu melarikan diri daripada kesibukan kota raya, Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad menawarkan percutian yang bercirikan suasana kehidupan desa serta tarikan keindahan alam semulajadi sedia menanti pengunjung untuk dinikmati.

Daerah Jempol yang terletak sekitar 130 km dari pusat bandar Kuala Lumpur merupakan sebuah syurga destinasi pelancongan yang menjanjikan satu pengalaman percutian yang unik dan tidak akan dilupakan. Suasana kampung yang nyaman, dikelilingi dengan sawah padi serta kicauan burung pasti memberi ketenangan kepada setiap individu yang gemar dengan keindahan flora dan fauna.

Kawasan kampung dengan keluasan 1,246 ekar yang meliputi kawasan perumahan, tanaman dan sawah padi telah menjadi kediaman kepada penduduk seramai 552 orang. Bertitik tolak dari kesedaran untuk memelihara serta memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan budaya dalam masyarakat kampung, maka Koperasi Homestay Lonek Jempol

Tradisi menampi padi merupakan pengalaman baharu bagi pelancong antarabangsa yang berkunjung di Homestay Lonek Jempol.



Barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) Homestay Lonek Jempol Berhad komited meningkatkan imej Daerah Jempol.



Berhad didaftarkan pada 18 Januari 2013 bagi memenuhi aspirasi tersebut. Aktiviti ekonomi koperasi bermula dengan mewujudkan pakej penginapan inap desa dengan kombinasi pelbagai aktiviti tradisional, permainan kebudayaan dan pertanian. Pakej penginapan yang popular dalam kalangan pengunjung adalah pakej menginap 3 hari dan 2 malam, pakej seminar dan pakej *teambuilding*. Di dalam pakej tersebut juga disertakan aktiviti mengacau dodol, mengemping padi, membakar lemang, menangkap ikan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pengunjung boleh berunding dengan koperasi bagi mendapatkan pakej yang sesuai dengan masa dan saiz bajet masing-masing.

KISAH KEJAYAAN

Hasil daripada aktiviti perniagaan tersebut, koperasi berjaya memperoleh pendapatan berjumlah RM1.5 juta dan mencatatkan untung bersih berjumlah RM57 ribu bagi tahun kewangan 2023. Kejayaan tersebut adalah hasil daripada sokongan padu yang diberikan oleh pelbagai pihak iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Majlis Perbandaran Jempol.

Dengan potensi yang ditunjukkan oleh koperasi melalui aktiviti ekonominya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Cawangan Negeri Sembilan telah menyokong permohonan pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM. Pembiayaan yang bertujuan untuk menaiktaraf kemudahan chalet dan landskap berjumlah RM50 ribu dan pembelian tanah seluas dua (2) ekar berjumlah RM207 ribu telah pun diluluskan. Koperasi juga turut menerima geran bantuan pembangunan SKM menerusi pakej e-Dapat bernilai RM18 ribu bagi tujuan pembangunan laman sesawang serta pembikinan video korporat dan promosi perkhidmatan koperasi.

PERANAN MEDIA DAN MASA HADAPAN

Berkat daripada kelulusan tersebut, koperasi telah berjaya membina laman sesawang koperasi iaitu www.lonekhomestay.com sebagai sarana untuk memasarkan pelbagai produk dan perkhidmatan. Bagi meluaskan lagi pasaran perkhidmatan, koperasi juga menggunakan media sosial sebagai ejen pemasaran seperti Facebook, Instagram dan TikTok.

Bagi menjamin kelestarian koperasi pada masa hadapan koperasi juga telah menceburi bidang pertanian secara kecil-kecilan melalui projek tanaman cili fertigrasi serta halia. Semoga dengan usaha keras dan komitmen ALK serta anggota dapat meningkatkan lagi prestasi pendapatan koperasi seterusnya memajukan lagi industri pelancongan koperasi dan menjadi contoh kepada koperasi yang lain yang ingin menceburi sektor pelancongan.



Tram merupakan antara fasiliti yang disediakan oleh koperasi.



Aktiviti gotong-royong mengacau dodol.



Pertandingan menarik upih merupakan antara aktiviti yang ditawarkan dalam pakej pelancongan inap desa koperasi.



Pelancong turut didedahkan dengan tarian Endang yang merupakan tarian adat seni warisan Negeri Sembilan.

Modal: Pernahkah Cukup?

Oleh: **ARIF ASYRAF BIN MOHAMMED KHALIM**
Timbalan Pengarah,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Cawangan Negeri Perlis

Bagaimana Falsafah Hernando De Soto Membantu Kita Untuk Menghargai Modal

PENDAHULUAN

Ketidalcukupan modal selalu menjadi hambatan bagi sesuatu perusahaan untuk berkembang. Ia bukanlah masalah terpencil yang dialami khusus oleh kaum tertentu. Malah, semua peniaga turut terkesan mengenainya tanpa mengira latar entiti perniagaan, kaum dan agama. Dalam kelas pengajian ekonomi, kita diajar mengenai pengurusan sumber yang terhad untuk memenuhi keperluan atau keinginan yang tidak terhad. Sekadar mengambil beberapa contoh, sumber yang disediakan oleh alam seperti tenaga manusia, haiwan, tanah, batu, pokok, air, galian besi, mineral dan petroleum semuanya terhad kerana itulah ia mempunyai nilai dan diberi upah serta didagangkan sebagai komoditi. Manakala sumber ciptaan manusia seperti wang jika tidak dikawal pengalirannya ia akan menjejaskan kehidupan manusia. Misalnya, jika setiap rakyat Malaysia memiliki RM1 juta dalam akaun bank, ertinya nilai juta itu sudah menjadi klise.

Maka dalam konteks ini, penulis ingin mengajak para pembaca untuk menilai sumber-sumber yang ada disekeliling kita berdasarkan buah fikir daripada ucapan dan penulisan Hernando de Soto seorang pakar ekonomi kelahiran Peru dalam meneliti persoalan: kenapa kapitalisme berjaya di barat dan gagal di tempat lain? Barangkali ketidakcukupan modal yang sering kita ratibkan itu berpunca dari halangan perundangan yang tidak selaras dengan pemilikan peribadi atau kita sendiri yang menempa nasib sedemikian dengan memiliki harta bukan bertujuan untuk penambahan modal.

LATAR BELAKANG HERNANDO DE SOTO

Hernando de Soto merupakan seorang pakar ekonomi, ahli perniagaan yang berjaya di Eropah, kemudian

membuat keputusan untuk bersara dan berkhidmat di negara kelahirannya bagi membantu mereformasikan sistem pemilikan peribadi di negaranya dan negara-negara Dunia Ketiga dengan menggunakan pendekatan mikro-ekonomi menerusi konsep yang berfokuskan kepada: ketiadaan hak rasmi terhadap harta benda merupakan punca kemiskinan di negara-negara miskin.

Beliau bukanlah pakar ekonomi sembarangan, beberapa majalah seperti Times, Forbes, New York Times dan The Economist pernah mengiktiraf institut pimpinannya sebagai badan pemikir kedua terbaik di dunia sekitar tahun 1999. Beliau juga pernah menjadi penasihat dan perunding kepada beberapa ketua negara seperti Alberto Fujimori (Peru), Vincente Fox (Mexico), Joseph Estrada dan Gloria Aroyo (Filipina). Paling nadir, beliau pernah menerima ancaman bunuh dan menjadi sasaran bom penganas hanya kerana beliau cuba membawa kaedah kapitalisme dalam menghapus kemiskinan. Barangkali kejayaan pelaksanaan program ekonominya telah membuatkan golongan kiri kehilangan modal hujah sehingga mengambil tindakan keganasan sebagai jawapan. Kehidupan beliau diabadikan untuk menyelesaikan persoalan asas pembangunan: Kenapa sesetengah negara dan yang lainnya miskin?

PENEMUAN

Menurut de Soto, wujudnya *legal lag* terhadap pemilikan harta dalam negara-negara yang membangun dan bekas soviet yang menyebabkan sebahagian besar rakyatnya hidup dalam kemiskinan akibat dari tidak dapat menyertai sistem ekonomi global. Misalnya, individu mempunyai tanah tetapi tidak ada dokumen rasmi yang mengesahkan pemilikannya menyebabkan ia tidak dapat

dicagarkan sebagai modal untuk perniagaan. Melalui penemuan beliau, jumlah modal mati di sesetengah negara misalnya di Mesir, rakyatnya memiliki hartanah yang bernilai AS\$ 241 bilion bersamaan 55 kali ganda nilai pelaburan asing sejak 200 tahun lalu dan 30 kali ganda nilai Bursa Saham di Kaherah.

Selain itu, beliau menemui rintangan yang cukup banyak untuk menjalankan perniagaan di negara dunia ketiga seperti halangan perundangan atau 'red-tape' yang tebal. Sebagai contoh di Peru mengambil masa 289 hari untuk mendaftarkan perniagaan dengan kos

melepas dianggarkan sekitar AS\$1,231 dolar, suatu jumlah yang tidak dimiliki golongan miskin. Manakala pemilikan hartanah di Mesir pula perlu melalui 77 prosedur di 31 buah agensi kerajaan. Di Peru, permohonan bagi pembinaan rumah perlu melalui 207 prosedur birokrasi di 52 agensi kerajaan. Kerana itulah kebanyakan orang



Hernando de Soto berucap semasa Majlis RSA Keynote.

miskin memilih untuk menjalankan perniagaan di pasaran gelap atau bawah tanah.

Hasrat de Soto adalah mahu menjadikan kapitalisme sebagai sebuah sistem yang inklusif serta memecahkan monopoli pihak tertentu baik monopoli daripada golongan elit yang berada dalam sistem kapitalisme mahupun Imaginasi anti-kapitalisme oleh golongan kiri ke atas rakyat miskin.

KESIMPULAN

Menginsafi permasalahan-permasalahan tersebut, kita perlu sentiasa menyemak dan mencari punca apakah halangan-halangan yang sentiasa membelenggu usahawan atau koperasi untuk berjaya. Adakah ia masalah individu dalam jabatan atau sebenarnya berpunca daripada masalah sistemik? Contohnya, halangan perundangan serta proses birokrasi yang menjemukkan. Pernahkah kita tertanya mengapakah syarikat atau entiti selain koperasi mampu untuk bergerak laju serta maju dalam mengembangkan perniagaannya? Mengapakah mereka sanggup mengambil risiko menggadaikan harta demi perniagaan (sepertimana dalam kisah-kisah tipikal oleh usahawan-usahawan berjaya)? Sedangkan yang terlibat dalam perniagaan tersebut hanyalah beberapa kerat individu, adakalanya pemilikannya tunggal. Mengapakah koperasi yang pemilikannya terdiri daripada ramai individu mempunyai sumbangan modal yang kurang signifikan berbanding sektor swasta? Apakah puncanya? Apakah yang menghalang individu untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi dan menyumbang modal yang berkesan kepada koperasi? Bagaimanakah koperasi mampu memanfaatkan unsur pemilikan peribadi anggota ke dalam perniagaan koperasi tanpa perlu dilebur menjadi pemilikan bersama sepertimana konsep modal syer dalam koperasi? Ini kerana berdasarkan pengalaman penulis, terdapat koperasi yang dianggotai oleh golongan berada tetapi masih mengharap modal daripada kerajaan untuk memulakan perniagaannya. Atau mungkin tiada ruang lagi yang tinggal untuk meminda perundangan bagi menyokong perkara tersebut dan berserah kepada orang lain untuk menentukannya?

Mungkin pertanyaan-pertanyaan diatas tidak relevan bagi koperasi yang telah lama bertapak atau telah punya kewangan yang kukuh. Untuk menjayakan DaKoM2030, kita memerlukan koperasi-koperasi baharu untuk terus menyumbang kepada peningkatan statistik perolehan koperasi jika itu yang ingin kita sasarkan. Semoga perkongsian artikel tersebut mendapat sedikit manfaat kepada para pembaca. Ucapan terima kasih juga dizahirkan kepada barisan penterjemah iaitu Al-mustaqeem Mahmud Radhi, Amir Sari, Zulfikar Ahmad Samsuri dan Haris Zalkapli yang sudi berkongsi teks-teks Hernando de Soto kepada penulis.

Biar semua terlibat

Oleh: **HERNANDO DE SOTO**

Rencana ini merupakan terjemahan kepada ucapan asal Hernando de Soto pada 30 Oktober 2001, berjudul *“Most People Cannot Participate”*.

Perjalanan ke Belgium merupakan sebuah pengalaman global, antara lainnya kerana saya terpaksa mengambil masa yang lama untuk sampai dari Lima ke Brussels. Bahkan, saya telah merentasi separuh pusingan dunia untuk sampai ke sini. Sampai di sini, saya melihat sekali lagi apa yang dimaksudkan dengan ‘global’.

Apabila saya tiba di tempat pemeriksaan di Brussels, pegawai di situ menyuruh: “Perkenalkan diri.” Saya menjawab: “Saya berbesar hati untuk berbuat demikian. Saya anak sulung Rosa Polar dan Alberto De Soto, dilahirkan di bandar Arequipa”. Katanya lagi, “Cukup, boleh tunjukkan pasport saudara?” Jadi, saya pun memberikannya pasport. Dalam proses pemeriksaan tersebut, saya sedari bahawa jika di Peru identiti saya dipastikan dengan kehadiran batang tubuh, tetapi di Belgium keadaannya jauh berbeza. Di sini, identiti diri saya dikenali melalui dokumen bertulis yang seragam, yang mengandungi semua maklumat tentang diri, berdasarkan peraturan yang membolehkan saya untuk mengembara ke serata dunia. Selepas itu, saya pun meneruskan perjalanan saya ke hotel.

Setibanya di hotel Astoria, saya telah ditanya bagaimana cara saya mahu membayar sewa penginapan. Saya sedar bahawa mereka risaukan soal pembayaran dan saya menenangkan mereka dengan mengingatkan tentang Herge dan Tintin, keduanya rakyat Belgium, yang telah mengesahkan dalam “Le temple du soleil” bahawa rakyat Peru adalah rakyat yang baik dan mereka akan menjelaskan hutang mereka. Saya juga turut menerangkan bagaimana akrabnya hubungan saya dengan duta Belgium di Peru dan memberitahu kepada mereka bahawa saya juga punya bekas teman wanita rakyat Belgium yang menetap di Brussels dan dia boleh mengesahkan mengenai diri saya. “Cukup,” katanya, “Boleh tolong tunjukkan kad kredit saudara?” Saya memenuhi permintaannya. Saat ini saya sedar, dengan hanya menunjukkan kad kredit, segala kredibiliti komersial saya, rekod hubungan saya dengan negara-negara jiran dan jaringan kecil kenalan saya di Lima tidak lagi bernilai di Brussels. Bagi pihak hotel itu, yang menjadi bukti kemampuan saya untuk melunaskan segala pembayaran ialah status yang terkandung di dalam sekeping kad plastik yang membolehkan saya membuktikan kepada setiap orang di seluruh dunia bahawa saya sentiasa membayar hutang.

Saya harap anda, telah pun sedar kewujudan epal yang di atas meja ini. Epal ini kepunyaan saya. Pemilikan saya ke atas epal ini telah saya sahkan, awal pagi tadi, dengan tuan pengerusi dan panelis lain. Susan George, Naomi Klein, Owens Wiwa dan Christine Ockrent adalah orang-orang yang mempunyai reputasi tinggi dan mereka mengesahkan bahawa epal ini kepunyaan saya. Maka, apa yang menyebabkan ia menjadi epal saya, hak milik saya, adalah disebabkan oleh persetujuan bersama. Walaubagaimanapun, jika kita teliti epal ini, tiada satupun bukti yang mengatakan bahawa ianya adalah epal kepunyaan saya. Konteks fizikal epal ini tidak memberikan apa-apa maklumat berkenaan pemilikan. Sama ada ia epal curi ataupun epal halal, ia kelihatan sama. Ataupun, dengan lain perkataan, hak milik dan apa-apa perkara yang kita lakukan terhadap epal ini tidak terletak pada keadaan fizikalnya. Tiada pada epal tersebut yang menerangkan sama ada saya boleh meminjamkannya, mencagarkannya sebagai jaminan, memanfaatkannya secara perkongsian, ataupun mengeksport atau mengimportnya, atau memotongnya dan memberikannya kepada rakan-rakan kongsi yang lain. Ia juga turut membawa maksud, bahawa nilai komersial dan kehidupan sosial epal ini tidak ditentukan oleh epal itu sendiri, tetapi oleh peraturan atau undang-undang yang kita bina bersama untuk membolehkan

epal ini diperdagangkan dan dinilai secara komersial supaya ia boleh bergerak secara lebih global.

Inilah yang dikatakan urusan jual beli dan pemilikan harta secara global, sama ada kewangan ataupun komersial, semuanya boleh dilakukan bukan kerana kita mampu untuk memindahkannya secara fizikal, tetapi kerana kita boleh mewakilkannya melalui cara yang dipersetujui oleh semua dan menguruskan jual beli dengan menggunakan undang-undang atau peraturan yang diterima ramai seperti pasport yang menjadi pengenalan kepada diri saya, dan ia ditentukan melalui undang-undang awam antarabangsa; dan kad kredit yang menjadi bukti kemampuan kewangan saya, dan ia



ditentukan melalui undang-undang swasta antarabangsa. Globalisasi yang kita kenal hari ini tidak mungkin berlaku tanpa bersandarkan kepada undang-undang atau tanpa piawai yang tersusun rapi, yang menyediakan kita kepada maklumat-maklumat berkaitan.

Semenjak Adam Smith dan Karl Marx, kita tahu bahawa kekayaan adalah hasil daripada pembahagian kerja untuk buruh-buruh dalam suatu pusingan yang membesar. Globalisasi pula adalah berkenaan pembahagian buruh dalam suatu skala sebesar mungkin untuk memberikan nilai lebih tinggi kepada barang yang kita miliki. Biar saya beri contoh yang agak baru:

Di Peru, awal 90-an, kami, bersama negara-negara bekas Soviet dan negara-negara membangun yang lain, mengikuti “Washington Consensus”. Antara lain, ia memerlukan kami menjalankan 3 pelarasan bersifat makroekonomi: penstabilan mata wang, keseimbangan akaun fiskal, dan penswastaan aset-aset kerajaan. Berkenaan penswastaan, kami di Peru telah mendapat hasil yang sama seperti negara-negara Amerika Latin yang lain. Antara perkara pertama yang kami lakukan ialah menswastakan syarikat telefon Peru, yang pada ketika itu bernilai US\$53 juta di bursa saham tempatan. Pada mulanya kami mendapati, ketika awal 1990, tiada pelabur asing yang mahu membelinya. Walaupun geran syarikat ini diterima dalam negeri, ia tidak diiktiraf di luar.

Kami perlu menukar geran tempatan itu kepada geran global yang mudah dikenal sepertimana kad kredit saya dikenal di hotel Astoria. Bagi melakukan perkara tersebut, kami telah mengupah pegawai bank daripada British Merchant dan juga peguam daripada Amerika untuk membantu kami membuat penstrukturan semula peraturan berkenaan pemilikan syarikat telefon di Peru agar ia juga boleh diterima orang asing. Kami mengambil masa selama tiga tahun untuk menjadikan geran syarikat telefon Peru tersebut diterima di peringkat global.

Kerajaan akhirnya berjaya menjual syarikat tersebut, pada tahun 1993, kepada Telefonica of Spain dengan harga US\$ 2 bilion: 37 kali ganda lebih tinggi berbanding nilai syarikat tersebut dalam Bursa Saham Lima tiga tahun sebelum itu. Nilai syarikat itu berjaya dinaikkan tanpa diubah fizikalnya walau dengan selapis cat; bahkan tingkapnya pun tidak kami perbaiki, dan permaidani alu-aluan tidak kami bentangkan. Apa yang kami buat hanyalah membuat perubahan pada undang-undang pemilikan harta dan menyeragamkannya dalam bentuk yang membolehkannya difahami pasaran global untuk membolehkan geran itu bergerak dalam dunia dan berfungsi lebih luas. Kami menghubungkan syarikat tersebut dengan pasaran yang lebih besar, dan memudahkan orang ramai mengenalinya, menilainya, menyelesaikan masalah berbangkit dengan syarikat tersebut, membeli saham dan bonnya, sehinggalah nilainya meningkat 37 kali ganda seperti sekarang. Itulah kesan globalisasi terhadap aset-aset sebuah negara. Sekiranya ditadbir dan dipersembahkan secara betul menurut peraturan antarabangsa, harta boleh dibahagikan dalam kalangan lebih besar, dan menerusi maklumat lebih tersusun dan undang-undang yang sesuai nilai yang tersembunyi sebelum ini dapat digali.

Pengajaran yang boleh diambil daripada kisah tersebut ialah, walaupun kesemua 6 bilion penduduk muka bumi

adalah bersaudara, namun oleh kerana bilangannya terlalu ramai maka kita hanya dapat mengenali dan berurusan antara satu sama lain melalui pengenalan diri dan peraturan. Tidak mungkin kita dapat membuat pengenalan diri dan menentukan reputasi dengan hanya berkenalan dan membiasakan diri antara satu sama lain. Terlampau ramai manusia. Kita harus melakukannya melalui bentuk pengenalan diri, aset atau harta dan undang-undang global yang digubal rapi. Itulah yang memungkinkan globalisasi. Jadi soalan paling penting yang perlu kita tanya pada diri sendiri ialah: Adakah segala aset kita dipersembahkan dan diurus dalam cara yang membolehkan kita menyertai ekonomi global antarabangsa? Jawabnya, tidak.

Enam tahun sudah, organisasi saya, Institute for Liberty and Democracy, ILD, telah menjelajah ke serata dunia, berurusan langsung dengan ketua-ketua negara untuk memastikan berapa banyak aset warga negara mereka boleh pergi ke tahap global. Biar saya beri Mesir sebagai contoh. Rakan kongsi saya di sana telah membenarkan saya membuat pendedahan ini.

Selepas beberapa tahun, kami dapati rakyat miskin di Mesir telah mengumpul jumlah aset yang amat besar. Dalam bidang hartanah (real estate) sahaja mereka memiliki lebih AS\$ 241 bilion dalam bentuk tanah dan bangunan. Jumlah AS\$ 241 bilion 55 kali ganda mengatasi jumlah semua pelaburan asing di Mesir sejak 200 tahun lepas, ia juga 30 kali ganda nilai Bursa Saham di Kaherah, dan 70 kali ganda mengatasi nilai bantuan dana asing yang diterima Mesir sejak zaman Napoleon, termasuklah dana yang membiayai kos pembinaan Terusan Suez dan Empangan Aswan. Namun, tidak satu pun daripada hartanah tersebut mempunyai geran yang sah, yang membolehkan pinjaman diberi, atau membolehkannya dipajak, atau membolehkan semua aset-aset ini dijual di pasaran global mahupun nasional. Ini bermakna, kebanyakan aset-aset yang dimiliki oleh golongan miskin di Mesir, walaupun nilainya melebihi nilai pelaburan asing dan bantuan luar, masih tidak mencapai tahap yang diperlukan untuk menjana kekayaan sebenar dan untuk dinilai secara global.

Kes yang berlaku di Mesir ini sama seperti apa yang berlaku di negara-negara membangun yang lain. Secara purata, lebih 80% daripada aset-aset yang dimiliki oleh golongan miskin di semua negara membangun dan negara-negara bekas Kesatuan Soviet tidak boleh menyertai pasaran melalui representasi aset atau harta yang sah. Jadi, cabaran paling utama yang dihadapi globalisasi ialah bagaimana mahu melibatkan majoriti penduduk dunia yang hari ini tidak dapat menyertai ekonomi global, dan kerana itu keadaan ekonomi mereka amat buruk.

Bagi menjawab soalan, yang ditanyakan oleh Perdana Menteri Verhofstadt, “Bagaimana golongan miskin boleh mendapat kelebihan daripada globalisasi?” jawapannya ialah melalui undang-undang pemilikan harta. Masalah dunia hari ini ialah wujud “legal lag” yang ketara. Kita sudah lupa bahawa ekonomi kapitalis asasnya adalah binaan perundangan. Kapitalisme dan globalisasi tidak lain merupakan kerangka perundangan yang menerusi sistem representasi dan peraturan membolehkan kita saling berhubungan. Dan lebih 4 bilion penduduk dunia menghadapi

masalah untuk berhubungan dan berurusan kerana undang-undang tidak diterapkan ke atas mereka.

Kita belum mencatat secara tepat dalam sejarah apa yang diperbuat Jerman melalui Stein-Hardenberg Reforms dalam membuka jalan untuk setiap rakyat Jerman menyertai ekonomi nasional dan global. Kita juga belum merakam bagaimana Swiss, sewaktu era Ugen Hubert, di awal kurun ke-20, melakukan hal yang sama untuk majoriti warganya. Kita belum lihat dengan jelas apa yang dilakukan oleh Amerika Utara, dalam kurun ke-19, kepada warganegaranya, memperuntukkan mereka dengan hak dan undang-undang lengkap yang membolehkan mereka menyertai ekonomi pasaran. Revolusi perundangan seperti ini adalah sesuatu yang masih belum berlaku di negara-negara membangun dan negara bekas Soviet, dan ini merupakan punca kenapa mereka tidak dapat menyertai sepenuhnya ekonomi global.

Dan jika kita tidak berbuat apa-apa tentang perkara ini seperti mampu diperbuat kapitalisme dengan terus menerus membuka ruang kepada mereka yang terpinggir dan menafikan tuduhan bahawa kapitalisme ialah kegiatan mengumpul kekayaan oleh sebahagian kecil manusia—kita akan dapati penentangan terhadap globalisasi akan meningkat, kerana majoriti warga dunia akan terus mengadu dan memberontak terhadap sistem yang membenarkan hanya segelintir maju dan makmur.

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH SURUHANJAYA

-  Pendaftaran Koperasi
-  Geran Bantuan Pembangunan
-  Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP-SKM)
-  Aduan dan Maklumbalas
-  Audit Koperasi
-  DDE
-  Easy Coop

ANTARA KEISTIMEWAAN BERKOPERASI YANG PERLU ANDA KETAHUI

1. Pengecualian cukai sekiranya Kumpulan Wang Anggota kurang daripada RM750 ribu dalam tempoh lima (5) tahun.
2. Pinjaman mudah melalui Tabung Modal Pusingan (TMP-SKM) sehingga RM10 juta.
3. Memenuhi keperluan bersama *common needs*.
4. Bantuan pembangunan melalui koperasi.
5. Pengumpulan modal secara bersama
6. Khidmat nasihat serta latihan percuma

SENARAI PEJABAT-PEJABAT SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN NEGERI

- WILAYAH PERSEKUTUAN**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan
Aras 1, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
Tel : 03-2083 4200
Faks : 03-2083 4286
KAUNTER : 1103
- PULAU PINANG**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 5, Bangunan Tuanku Syed Putra, Lebuhr Downning
Peti Surat 429, 10750 Pulau Pinang
Tel : 04-261 1335
Faks : 04-263 9429
- PERLIS**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Perlis
Tingkat 4, Bangunan Persekutuan Kangar Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar, Perlis
Tel : 04-976 1009
Faks : 04-976 7025
- KEDAH**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Kedah
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan Anak Bukit
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah
06550 Alor Setar, Kedah
Tel : 04-733 1922
Faks : 04-734 1922
- PERAK**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Perak
Tingkat 1, Blok C
Bangunan Persekutuan Ipoh (Greentown)
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh, Perak
Tel : 05-254 9396 / 255 1664 / 255 1669
Faks : 05-255 0670
- SELANGOR**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Selangor
F-G-33A, Vista Alam
No. 3 Presint 4.5 Jalan Ikhtisas 14/1
Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel : 03-55234475 / 55231869
Faks : 03-55243014
- NEGERI SEMBILAN**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Sembilan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban, Negeri Sembilan
Tel : 06-763 5551
Faks : 06-764 9467
- MELAKA**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Melaka
Aras 10, Menara Persekutuan Jalan Persekutuan Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel : 06-234 5466 / 234 5476
Faks : 06-234 5488
- JOHOR**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Johor
Tingkat 5, Blok B
Wisma Persekutuan Jalan Air Molek
80000 Johor Bahru, Johor
Tel : 07-223 1743 / 1744
Faks : 07-223 2564
- PAHANG**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Pahang
Tingkat 4, Wisma Persekutuan Jalan Gambut
25000 Kuantan, Pahang
Tel : 09-512 1260
Faks : 09-516 4701
- TERENGGANU**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Terengganu
Tingkat 4, Wisma Persekutuan
Peti Surat 113, 20710 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel : 09-620 3776 / 620 3778
Faks : 09-620 3773
- KELANTAN**
Pegarah Suruhanjaya koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Kelantan
Tingkat 8, Wisma Persekutuan Jalan Bayam
15608 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-748 2090
Faks : 09-747 9454
- SARAWAK**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Sarawak
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga
Peti Surat 1368, 93728 Kuching, Sarawak
Tel : 082-245 233 / 245 234
Faks : 082-254 068
- SABAH**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Sabah
Tingkat 7, Menara MAA Api-Api Centre Peti Surat Bil. 11276
88814 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-216 022 / 023 / 024 / 821
Faks : 088-216 724



#koperasikita

Podcast Suruhanjaya Koperasi Malaysia



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100